
LOKE LENG SEAK lwn. ASPATRA SDN. BHD.
MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
DATO' ABDUL HAMID BIN HAJI MOHAMED, H
SAMAN PEMULA NO. 24-219-93
10 DISEMBER 1993
[1994] 4 CLJ 328

UNDANG-UNDANG TANAH: *Gadaian - Perintah jualan - Lelongan awam - Hakmilik pembeli dengan suci hati - Samada boleh disangkal oleh penggadai selepas penjualan disempurnakan - Kesahihan perintah jualan - Samada boleh dicabar setelah pindahmilik kepada pembeli dengan suci hati disempurnakan - Samada Mahkamah telah functus officio.*

UNDANG-UNDANG TANAH: *Gadaian - Perintah jualan - Lelongan awam - Permohonan oleh pembeli dengan suci hati untuk mengeluarkan kaveat penggadai - Permohonan oleh penggadai untuk mengenepikan perintah jualan setelah pindahmilik disempurnakan kepada pembeli suci hati - Samada kedua-dua permohonan patut digabungkan dan didengar bersama.*

Plaintif adalah pembeli yang berjaya dalam satu lelongan awam yang melibatkan sekeping tanah yang digadaikan oleh defendant kepada sebuah bank. Kira-kira empat bulan selepas lelongan tersebut, pada 2 Oktober 1991, defendant telah memfail permohonan untuk memasukkan kaveat persendirian ke atas tanah yang berkenaan. Permohonan defendant itu, bagaimanapun, tidak lengkap dan kaveat tersebut hanya dicatatkan di atas daftar hakmilik pada bulan November 1991 dan tidak pada 2 Oktober 1991 seperti sepatutnya. Sementara itu, pada 4 Oktober 1991, berikutan pengemukaan sijil jualan kepadanya, Pendaftar Hakmilik Tanah telah memindahmilikkan tanah tersebut kepada plaintiff.

Pada 8 Jun 1992 defendant memfail satu saman pemula untuk mendapat deklarasi bahawa perintah jualan dan pindahmilik tanah tersebut kepada plaintiff adalah tidak sah. Saman pemula ini diikuti oleh saman pemula yang difailkan oleh plaintiff pada 19 Mac 1993 memohon supaya dikeluarkan kaveat persendirian defendant. Pada 6 September 1993 defendant memohon perintah supaya kedua-dua saman pemula ini digabungkan dan didengar bersama atas alasan bahawa kedua-dua saman pemula tersebut melibatkan tanah, pihak-pihak dan undang-undang yang sama. Permohonan defendant ditolak oleh Mahkamah dan defendant merayu terhadap penolakan tersebut.

Soal yang timbul ialah samada, dalam halkeadaan kes ini, wujud alasan-alasan yang kukuh untuk membolehkan Mahkamah menggunakan budibicaranya membenarkan permohonan defendant dan menggabungkan kedua-dua saman pemula berkenaan untuk didengar secara bersama.

Diputuskan:

[1] Dalam keadaan kes ini, Mahkamah tidak patut menggunakan budibicaranya untuk menggabungkan kedua-dua saman pemula berkenaan. Permohonan plaintiff ialah untuk mengeluarkan kaveat persendirian yang hanya didaftarkan selepas plaintiff telah didaftarkan

sebagai pemilik tanah itu yang dibelinya dalam lelongan awam oleh Mahkamah. Plaintiff sebagai seorang pembeli dengan suci hati dan sebagai pemilik berdaftar mempunyai hakmilik yang tidak boleh disangkal dan Mahkamah juga telah menjadi functus officio dan tidak lagi berkuasa untuk mengenepikan perintah jualan yang berkenaan. Permohonan defendant pula adalah suatu permohonan yang menyangkut perbalahan antara defendant sebagai penggadai dengan bank sebagai pemegang gadaian, dan ini adalah satu perkara yang berasingan di antara mereka. Perbalahan itu tidak sepatutnya menghalang atau melambat-lambatkan plaintiff, sebagai pembeli di lelongan awam dan pemilik berdaftar, dalam permohonannya untuk mengenepikan kaveat yang dimasukkan oleh defendant tersebut.

[Permohonan ditolak].

Case(s) referred to:

Gondola Motor Credit BANKINGANDFINANCE V. Almurisi Holdings Sdn. Bhd [1990] 2 CLJ 67 (Rep)

Mui Bank Berhad v. Cheam Kim Yu (Beh Sai Ming as Intervener) [1992] 4 CLJ 2229/[1992] 1 AMR 244 (diikuti)

Counsel:

Bagi pihak plaintiff - R. Rajasingam; T/n. Rajasingam & Co. Bagi pihak defendant - Sapura bt. Yusoff; T/n. Anad & Associates

ALASAN PENGHAKIMAN

Abdul Hamid Bin Haji Mohamed H:

Melalui saman pemula yang difailkan pada 19 Mac 1993 plaintiff memohon supaya dikeluarkan kaveat persendirian yang dimasukkan oleh defendant ke atas tanah yang dikenali sebagai lot 39 dan 40 seksyen 1 Bandar Batu Ferringhi, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dan lain-lain perintah berkenaan.

Pada 6 September 1993 defendant memfail saman-dalam-kamar untuk mendapat perintah supaya saman pemula ini digabungkan dengan saman pemula No. 24-455-92 dan kedua-duanya didengar bersama.

Pada 14 Oktober 1993, saya menolak permohonan defendant (Lampiran 7) itu dengan kos. Defendant merayu.

Untuk memahami permohonan ini, latar belakang kes ini patutlah diperturunkan.

Pada 22 Jun 1977 dan 16 April 1980 defendant telah menandatangani dua gadaian pihak ketiga menggadaikan tanah-tanah berkenaan kepada Bank Buruh (M) (Bank Buruh) untuk kemudahan berjumlah RM355,000 yang diberi oleh Bank Buruh kepada Orient Air Transport Berikutan dengan perintah jualan yang diperolehi oleh Bank Buruh pada 31 Mac 1988 dalam

saman pemula No. 31-836-87 tanahtanah berkenaan dijual melalui lelongan awam pada 12 Jun 1991. Plaintiff adalah pembeli yang berjaya dalam lelongan itu. Pada 2 Oktober 1991 defendant memfail permohonan untuk memasukkan kaveat persendirian. Oleh sebab permohonan itu tidak lengkap ia cuma dicatatkan di atas daftar hakmilik "pada bulan November". Pada 4 Oktober 1991 Sijil Jualan yang dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar dikemukakan Pendaftar Hakmilik Tanah dan catitan pindah milik tanah-tanah itu kepada Plaintiff dibuat pada hari yang sama. Penolong Pendaftar Hakmilik Tanah Negeri Pulau Pinang menjelaskan bahawa pada 4 Oktober 1991 tidak ada halangan didaftarkan di atas daftar hakmilik tanah-tanah itu pada hari itu - lihat afidavitnya yang diikararkan pada 14 Ogos 1992 dalam kes 24-455-1992 yang dipakai dalam kes ini, Lampiran 10. Pada 8 Jun 1992 defendant memfail saman pemula No. 24-455-1992 untuk mendapat deklarasi bahawa perintah jualan bertarikh 31 Mac 1988 itu taksah, bahawa penjualan tanah-tanah itu berikutnya perintah jualan itu taksah pindahmilik tanah itu kepada plaintiff (pembeli) taksah, dan lain-lain perintah. Kes 24-455-92 itulah yang dipohon untuk digabungkan dengan saman pemula ini.

Alasan yang dikemukakan oleh defendant dalam permohonannya ialah kedua-dua kes melibatkan tanah yang sama, pihak-pihak yang sama dan undang-undang yang sama.

Sayugia diambil perhatian bahawa permohonan plaintiff ialah untuk mengeluarkan kaveat persendirian yang didaftarkan **selepas** plaintiff didaftarkan sebagai pemilik tanah-tanah itu yang dibeli oleh plaintiff dalam lelongan awam oleh Mahkamah itu. Saman pemula No. 24-455-92 hanya difailkan oleh defendant satu tahun selepas lelongan awam dilakukan. Melalui saman pemula itu, defendant cuba mendapat perisyhtiharaan bahawa perintah jualan yang diperolehi satu tahun tiga bulan sebelum itu dan yang telah pun dilaksanakan sepenuhnya itu taksah. Plaintiff telah membeli tanah itu, dalam penghakiman saya, dengan hati suci (tidak ada nyataan sebaliknya) di lelongan awam itu, telah menjelaskan harga jualan, telah diberi sijil jualan oleh Penolong Kanan Pendaftar dan, telah didaftarkan sebagai pemilik. Hanya selepas semua itu telah berlaku baru caveat persendirian yang dimasukkan oleh defendant dicatatkan atas daftar hakmilik, kerana permohonan defendant untuk memasukkan kaveat dua hari sebelum pendaftaran plaintiff sebagai pemilik itu tidak lengkap.

Saya berpendapat bahawa, plaintiff sebagai seorang pembeli dengan suci hati dan sebagai pemilik berdaftar mempunyai hakmilik yang tidak boleh disangkal. Saya dapat penghakiman Mahkamah Agung dalam kes Gondola Motor Credit V. Almurisi Holdings Sdn. Bhd [1990] 2 CLJ 67 (Rep) menyokong pendapat ini. Malah dalam kes itu caveat persendirian telah dimasukkan **sebelum** perintah jualan dibuat dan **semestinya sebelum** tanah berkenaan dibeli oleh perayu dalam kes itu. Caveat itu dikeluarkan. Elok juga diambil perhatian bahawa dalam kes itu Mahkamah Agung juga mengatakan bahawa apa-apa persoalan antara pihak-pihak lain dalam kes itu tidak ada kena mengena dengan perayu (pembeli tanah itu di lelongan awam).

Saya juga berpendapat bahawa apa-apa perbalahan antara defendant (penggadai) dalam kes ini dengan Bank Buruh (pemegang gadaian) adalah satu perkara yang berasingan antara mereka. Perbalahan itu tidak sepatutnya menghalang atau melambat-lambatkan Plaintiff, pembeli di lelongan awam dan pemilik berdaftar, dalam permohonannya untuk mengenepikan caveat yang dimasukkan oleh Defendan (penggadai) **selepas** penjualan itu telah selesai.

Saya juga mengambil maklum akan penghakiman Mahkamah Agung dalam kes *Mui Bank Berhad v. Cheam Kim Yu (Beh Sai Ming as Intervener)(2)* di mana diputuskan bahawa "Once the Order for Sale is made, drawn up and perfected the learned judge is functus officio and

has no power to set aside the order for sale.” Sayugia diambil perhatian bahawa dalam kes itu, seperti dalam kes ini, penjualan (melalui lelongan awam) itu telah disempurnakan. Mungkin menyedari hakikat inilah maka Defendan dalam kes ini tidak memohon perintah untuk mengenepikan perintah jualan dalam Saman Pemula No. 24-455-92 yang difailkannya itu. Sebaliknya ia cuma memohon satu perisyiharan bahawa perintah jualan itu taksah.

Dalam keadaan kes ini, saya dapati saya tidak patut menggunakan budibicara saya untuk menggabungkan kedua-dua kes berkenaan. Saya menolak permohonan ini dengan kos.

t.t.
 (Abdul Hamid bin Hj. Mohamed)
 Hakim, Mahkamah Tinggi
 Pulau Pinang

PEGUAMBELA & PEGUAMCARA

1. Cik Sapura bt. Yusoff (Tetuan Anad & Associates) bagi pihak DEFENDAN
2. En. R. Rajasingam (Tetuan Rajasingam & Co) bagi pihak PLAINTIF

SENARAI KES YANG DIRUJUK

1. Gondola Motor Credit Sdn. Bhd. v. Almurisi Holdings Sdn. Bhd (1992) 1 AMR 48
2. Mui Bank Berhad v. Cheam Kim Yu (Beh Sai Ming as Intervener) (1992) 1 AMR 244

10.12.93